

EDISI 1/2025

BULETIN MAJLIS DAERAH BAU

MD BAU BROADCAST

BAU: BE BOLD, AMBITIOUS & UNIFIED



HUBUNGI KAMI !



082-763129



mdbau@sarawak.gov.my



<http://baudc.sarawak.gov.my>



MAJLIS DAERAH BAU
JALAN ONG GUAN CHENG,
94000 BAU, SARAWAK

HIGHLIGHTS

Lawatan kerja ke MDB yang diketuai
oleh YBhg. Datu Elizabeth Loh

Lawatan Sambil Belajar MDB Ke
Singkawang, Indonesia

Upacara Angkat Sumpah Pengerusi,
Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli
Majlis

Aktiviti Kelab Sukan Dan Rekreasi
MDB(KSRB) Ke Empangan Bengoh

Majlis Penutupan Hari Gawai Dayak
Tahun 2025



LAWATAN KERJA SETIAUSAHA TETAP, MPHLC
YBHG. DATU ELIZABETH LOH

BULETIN MDB
EDISI 1/2025
EBOOK



MAJLIS DAERAH BAU

ISI KANDUNGAN

- 2 Secebis Bicara Pengerusi Majlis
Seuntai Kata Setiausaha Majlis
Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Zon Selatan 2024
- 3 Lawatan kerja ke MDB yang diketuai oleh YBhg. Datu Elizabeth Loh, Setiausaha Tetap dari MPH LG
- 4 Operasi Pengasapan bersama Pejabat Kesihatan Daerah Bau (PKD) bagi pencegahan penularan Penyakit Denggi
Aktiviti PTP kolaborasi dengan Unit Kawalan Vektor PKD Bau
- 5 Operasi Siasatan Berkenaan Insiden Gigitan Anjing Liar di Pasar Bau
Majlis Perasmian Pintu Gerbang Bau
- 6 Aktiviti Pengasapan (Fogging) Bersama PKD Bau, bagi Mencegah Penularan Wabak Denggi Di Taman Golden Villa
Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Majlis Daerah Bau 2025
- 7 Gotong-Royong Bersama Penjaja Bazaar Ramadan
Operasi Pemeriksaan Premis
- 8 Majlis Perasmian Bazaar Ramadan Bau
Pengagihan Buku-Buku Terpakai Di Perpustakaan Awam MDB Kepada SK Grogo & SK Skibang
Aktiviti Pengumpulan Dan Pelupusan B.O.S. Milik Majlis Daerah Bau
- 9 Program Agihan Bubur Lambuk Majlis Daerah Bau
Earth Hour Majlis Daerah Bau
- 10 Lawatan Sambil Belajar Majlis Daerah Bau Ke Singkawang, Indonesia
- 11 Upacara Angkat Sumpah Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Bau Bagi Tempoh 2025 - 2028
- 12 Pertandingan Badminton Tertutup Antara Seksyen Majlis Daerah Bau
Pemeriksaan Dan Siasatan Di Ladang Ternakan Ayam Dan Rumah Penduduk Kampung Merembbeh, Bau
- 13 Waste To Cash 2025
Aduan Isu Kebersihan Tasik Biru
- 14 Aktiviti Kelab Sukan Dan Rekreasi Majlis Daerah Bau(KSRB) Ke Empangan Bengoh
- 15 Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024
- 16 Audit Dalaman ISO 9001:2015 Majlis Daerah Bau
- 17 Majlis Penutupan Hari Gawai Dayak Tahun 2025
Perhimpunan Kakitangan Majlis Daerah Bau





ENCIK EDDY ANAK NAYOI
PENGERUSI MAJLIS DAERAH BAU

SECEBIS BICARA Pengerusi Majlis

Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Bau kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam Buletin MDB Edisi 1/2025. Semua warga MDB yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buletin ini amatlah saya hargai. Saya juga ingin meluahkan rasa bersyukur kerana telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis MDB bagi tempoh tahun 2025 sehingga tahun 2028. Saya berharap semua ahli-ahli majlis dan warga MDB menyantuni rakyat, mendengar dengan teliti setiap suara mereka, dan bertindak proaktif menyelesaikan masalah di peringkat tempatan. Oleh itu, saya amat berharap ahli-ahli majlis dapat terus memainkan peranan dengan penuh dedikasi dan amanah.

Majlis bukan sekadar mengurus lesen atau jalan berlubang – ia adalah nadi pembangunan komuniti. Kerjasama antara Majlis dan rakyat amat penting untuk menjayakan setiap inisiatif yang dirancang. Sebagai pentadbiran tempatan, kita memikul tanggungjawab besar dalam memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan dasar dapat memberi impak positif kepada komuniti. Oleh itu, kerjasama dan keprihatinan semua ahli mesyuarat amat penting dalam menjayakan pelbagai inisiatif yang telah dan akan kita laksanakan. Saya menyeru agar kita terus memperkukuh kerjasama antara semua jabatan, ahli majlis, dan komuniti setempat demi menjayakan aspirasi Majlis Daerah Bau sebagai sebuah pentadbiran yang cekap, berintegriti dan prihatin terhadap rakyat. Akhir kata, semoga dengan usaha berterusan, Majlis kita akan terus maju sebagai agensi yang cemerlang, dihormati, dan diyakini masyarakat.

SEUNTAI KATA SETIAUSAHA MAJLIS

Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sidang redaksi Majlis Daerah Bau yang telah menunjukkan komitmen untuk menjayakan penerbitan buletin Edisi 1/2025 ini. Saya berharap agar pencapaian hari ini bukan menjadi titik noktah, tetapi permulaan kepada pencapaian yang lebih gemilang. Teruslah berusaha, melangkah ke hadapan dengan lebih yakin, dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan cabaran serta kehendak semasa. Majlis Daerah Bau merupakan tunjang pentadbiran tempatan yang bertanggungjawab menyelaras pelbagai aspek – dari kebersihan dan perkhidmatan asas hinggalah kepada perancangan pembangunan fizikal, pelesenan, penguatkuasaan, dan inisiatif kemasyarakatan. Semua ini dijalankan dengan matlamat utama: menambah baik kualiti hidup penduduk dalam daerah ini.

Oleh itu, setiap bahagian dan unit di bawah MDB mesti bekerja secara bersepadu, berpandukan nilai akauntabiliti, dan profesionalisme. Sebagai Setiausaha, tanggungjawab saya adalah memastikan setiap bahagian dalam Majlis berfungsi secara cekap dan berintegriti, selaras dengan dasar kerajaan negeri dan kepentingan komuniti setempat. Akhir kata, marilah kita teruskan kerjasama ini dengan semangat muafakat dan kebertanggungjawaban demi kemajuan dan kesejahteraan daerah Bau kita yang tercinta.



ENCIK ONG CHING PING
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BAU

17 Januari 2025 : Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Zon Selatan 2024




Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada SJK Chung Hua Sebuku kerana telah mendapat Tempat Ketiga bagi Kategori Sekolah Rendah dalam Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah manakala MDB mendapat Saguhati bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Turut hadir ke majlis tersebut adalah Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau, Ahli Majlis, Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti, guru pengiring dan pelajar sekolah. Program tersebut diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengitaran semula dan pemeliharaan alam sekitar.

22 Januari 2025 : Lawatan kerja ke MDB yang diketuai oleh YBhg. Datu Elizabeth Loh, Setiausaha Tetap Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak dari MPH LG



Pihak MPH LG telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Daerah Bau yang diketuai oleh YBhg. Datu Elizabeth Loh, Setiausaha Tetap Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Hadir bersama beliau adalah Encik Firas bin Fadzil, Seksyen Pembangunan dan Khidmat Teknikal, Puan Farisha binti Hamdan, Seksyen Khidmat Pengurusan, Encik Lloyd Huffman Milko, Seksyen Pendidikan Komuniti dan Ir.Ts. Jasmeer Sufian, Pegawai Tadbir Khas. Kehadiran pihak MPH LG ke MDB telah disambut oleh Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau dan kakitangan Majlis Daerah Bau. Lawatan kerja ini memfokuskan kepada beberapa isu berhubung Strategic Planning Majlis Daerah Bau Tahun 2025 (termasuk pembentangan Carta Organisasi Majlis Daerah Bau), isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak Majlis Daerah Bau serta cara mengatasi masalah berkenaan. Selain itu, pihak MPH LG turut dibawa ke beberapa tapak projek bagi melihat sendiri perkembangan projek yang dilaksanakan di daerah Bau.

Antara 23-24 Januari 2025 : Operasi Pengasapan (Fogging) bersama Pejabat Kesihatan Daerah Bau (PKD) bagi pencegahan penularan Penyakit Denggi



24 Januari 2025 : Aktiviti PTP kolaborasi dengan Unit Kawalan Vektor PKD Bau



Dijalankan di sekitar Pasar Bau untuk mencegah kejadian kes Demam Denggi sebelum perayaan Tahun Baru Cina 2025.

26 Januari 2025 - Operasi Siasatan Berkenaan Insiden Gigitan Anjing Liar di Pasar Bau



Satu majlis bersejarah telah berlangsung di daerah Bau, Sarawak, iaitu Majlis Perasmian Pintu Gerbang Bau. Majlis ini diadakan pada jam 6.30 petang di perkarangan pintu gerbang tersebut, yang terletak di Jalan Datuk Salau, Bau. Perasmian ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep, Timbalan Menteri Pengangkutan Sarawak (Sungai dan Laut) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N2 Tasik Biru. Majlis ini merupakan simbolik kepada pembangunan dan identiti daerah Bau, yang terkenal dengan sejarah dan keindahan alam semula jadi. Kehadiran tetamu kehormat dan penduduk setempat menyerikan lagi acara ini, menunjukkan semangat perpaduan dan kesepakatan masyarakat Bau. Dengan tema “Bersatu Berusaha Berbakti,” perasmian ini diharapkan menjadi permulaan kepada lebih banyak kemajuan untuk daerah Bau pada masa hadapan. Pintu gerbang ini bukan sahaja menjadi mercu tanda baru, tetapi juga lambang kebanggaan penduduk Bau yang komited untuk memelihara warisan mereka sambil melangkah ke arah masa depan yang lebih cerah.

26 Januari 2025 - Majlis Perasmian Pintu Gerbang Bau



Satu majlis bersejarah telah berlangsung di daerah Bau, Sarawak, iaitu Majlis Perasmian Pintu Gerbang Bau. Majlis ini diadakan pada jam 6.30 petang di perkarangan pintu gerbang tersebut, yang terletak di Jalan Datuk Salau, Bau. Perasmian ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep, Timbalan Menteri Pengangkutan Sarawak (Sungai dan Laut) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N2 Tasik Biru. Majlis ini merupakan simbolik kepada pembangunan dan identiti daerah Bau, yang terkenal dengan sejarah dan keindahan alam semula jadi. Kehadiran tetamu kehormat dan penduduk setempat menyerikan lagi acara ini, menunjukkan semangat perpaduan dan kesepakatan masyarakat Bau. Dengan tema “Bersatu Berusaha Berbakti,” perasmian ini diharapkan menjadi permulaan kepada lebih banyak kemajuan untuk daerah Bau pada masa hadapan. Pintu gerbang ini bukan sahaja menjadi mercu tanda baru, tetapi juga lambang kebanggaan penduduk Bau yang komited untuk memelihara warisan mereka sambil melangkah ke arah masa depan yang lebih cerah.

1 Februari 2025 - Aktiviti Pengasapan (Fogging) Bersama PKD Bau, bagi Mencegah Penularan Wabak Denggi Di Taman Golden Villa



14 & 15 Februari 2025 - Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Majlis Daerah Bau 2025




Satu bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Majlis Daerah Bau 2025 telah diadakan di 56 Hotel, Kuching. Bengkel ini turut disertai oleh Setiausaha Majlis, Penolong Setiausaha, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua-Ketua Seksyen Majlis Daerah Bau. Objektif bengkel ini diadakan adalah membentangkan laporan daripada pemilik KPI Pelan Strategik 2021-2025 bagi prestasi penanda aras KPI masing-masing sepanjang tahun pelaksanaan dan Menyusun semula Pelan Strategik Majlis Daerah Bau untuk lima (5) tahun akan datang melalui penyelarasan Visi, Misi, Bidang Fokus Strategik, Objektif Strategik dan Inisiatif Strategik kepada Perspektif / Visi MPH LG dan Kerajaan Sarawak yang lebih besar.

27 Februari 2025 - Gotong-Royong Bersama Penjaja Bazaar Ramadan



Bersempena Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi, Bahagian Kesihatan Awam Majlis Daerah Bau telah mengadakan gotong-royong bersama penjaja bazaar di Depo Majlis Daerah Bau. Gotong-royong ini diadakan bagi memastikan kebersihan dan kelancaran operasi bazaar sepanjang bulan Ramadhan. Program ini melibatkan penyertaan para peniaga, penduduk setempat serta Pihak Berkuasa Tempatan yang bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran dan menyediakan tapak bazaar sebelum ianya beroperasi.

27 Februari 2025 - Operasi Pemeriksaan Premis



Satu operasi pemeriksaan premis telah dijalankan di sekitar kawasan Pekan Bau dan Siniawan. Operasi ini melibatkan kolaborasi Bahagian Kesihatan Awam (Unit Perlesenan) dan Bahagian Penguatkuasaan dalam pemeriksaan Premis Hiburan serta penggredan premis makanan bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kesihatan dan perlesenan yang ditetapkan. Pemeriksaan ini juga bertujuan memastikan kebersihan premis terjaga demi kesejahteraan dan keselamatan orang awam.

4 Mac 2025 - Majlis Perasmian Bazaar Ramadan Bau



Majlis Perasmian Bazaar Ramadan Bau yang diadakan di Depo Majlis Daerah Bau telah disempurnakan oleh YB Dato Henry Harry Anak Jinep, Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) Sarawak merangkap ADUN N2 Tasik Biru. Turut hadir ke majlis tersebut adalah Encik Eddy Anak Nayoi, Pemagku Pegawai Daerah Bau, Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau, Ketua-Ketua Jabatan dan agensi Daerah Bau, Encik William Ding, Timbalan Pengerusi Majlis, Ahli-Ahli Majlis, KMKK Daerah Bau serta kakitangan Majlis Daerah Bau. Sesi penyerahan apron kepada peniaga-peniaga turut dilakukan sebagai tanda sokongan terhadap usaha mereka dalam menyediakan makanan yang berkualiti dan bersih kepada pelanggan. Pada majlis yang sama, orang ramai turut menerima agihan bubur lambuk secara percuma daripada SaberKas Bau.

5 Mac 2025 - Pengagihan Buku-Buku Terpakai Di Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bau Kepada SK Grogo & SK Skibang

7 Mac 2025 - Aktiviti Pengumpulan Dan Pelupusan B.O.S. Milik Majlis Daerah Bau



20 Mac 2025 - Program Agihan Bubur Lambuk Majlis Daerah Bau



Bubur lambuk, yang sudah sinonim dengan bulan Ramadan, melambangkan kasih sayang dan semangat perpaduan dalam masyarakat. Program ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Majlis Daerah Bau (KSRB) dan telah disempurnakan oleh Tuan Setiausaha Majlis Daerah Bau, En. Ong Chin Ping. Meskipun hujan membasahi suasana, semangat gotong-royong tetap membara apabila kakitangan Majlis berganding bahu dalam penyediaan dan pengagihan bubur lambuk kepada warga MDB serta komuniti setempat. Sebanyak 300 bekas bubur lambuk berjaya diagihkan, membawa keberkatan dan kegembiraan kepada semua penerima.

22 Mac 2025 - Earth Hour Majlis Daerah Bau



Majlis Daerah Bau (MDBau) telah menyertai Joint Program Virtual Earth Hour 2025, sebuah inisiatif global yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Program ini dianjurkan oleh Majlis Daerah Luar Bandar Sibu dengan kerjasama beberapa pihak termasuk JCI Sibu, JCI Seduan, Amcorp dan JK Studio. Sebagai sebahagian daripada program ini, semua peserta, termasuk MDBau, mengambil langkah simbolik dengan memadamkan lampu di pejabat selama satu jam sebagai tanda sokongan terhadap usaha mengurangkan penggunaan tenaga dan kesan karbon. Selain itu, sesi perkongsian serta aktiviti kesedaran turut diadakan bagi mendidik masyarakat mengenai kepentingan amalan lestari dalam kehidupan seharian. MDBau menegaskan komitmen dalam menyokong inisiatif hijau dan akan terus mengambil langkah proaktif dalam mempromosikan gaya hidup mesra alam di daerah Bau. Penyertaan dalam Earth Hour 2025 ini diharapkan dapat memberi impak positif kepada usaha global dalam menjaga kelestarian bumi untuk generasi akan datang.

24 Mac 2025 - Lawatan Sambil Belajar Majlis Daerah Bau Ke Singkawang, Indonesia



Delegasi Majlis Daerah Bau yang diketuai oleh Timbalan Pengerusi Majlis, Cr. William Ding, telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Singkawang hari ini. Seramai 18 orang delegasi, terdiri daripada 15 Ahli Majlis dan 3 kakitangan majlis, menyertai lawatan ini yang bertujuan untuk mempelajari amalan pengurusan bandar serta memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua pihak. Lawatan dimulakan dengan kunjungan ke Pintu Gerbang Singkawang, mercu tanda ikonik yang melambangkan identiti dan budaya unik bandar ini. Seterusnya, delegasi melawat Perpustakaan Daerah Singkawang, di mana mereka diberikan penerangan mengenai sistem pengurusan perpustakaan serta inisiatif galakan membaca kepada masyarakat setempat. Delegasi turut berpeluang menjejak sejarah di Tdjia House, sebuah bangunan warisan yang memperlihatkan seni bina klasik dan sejarah keturunan Tionghoa di Singkawang. Lawatan ini memberikan perspektif baharu mengenai usaha pemeliharaan warisan budaya yang boleh diterapkan dalam pembangunan di Bau. Kemuncak lawatan adalah sesi kunjungan rasmi ke Kantor Walikota Singkawang, di mana delegasi diberikan taklimat mengenai pelbagai program pembangunan bandar, pengurusan perkhidmatan awam, dan inisiatif pelancongan yang berjaya dilaksanakan. Perbincangan dua hala turut diadakan bagi bertukar pandangan dan pengalaman dalam meningkatkan keberkesanan pentadbiran tempatan. Bagi meninjau sektor pelancongan, delegasi melawat Pantai Horizon, salah satu destinasi peranginan terkenal di Singkawang. Lawatan ini memberikan gambaran bagaimana pengurusan pantai yang baik dapat meningkatkan daya tarikan pelancongan serta memberi impak ekonomi kepada komuniti setempat. Sebagai penutup, delegasi melawat Pasar Hong Kong, pusat perniagaan yang mencerminkan kepelbagaian budaya dan ekonomi Singkawang. Di sini, mereka menyaksikan bagaimana aktiviti perniagaan tempatan berkembang dan memberi manfaat kepada penduduk setempat. Lawatan ini bukan sahaja membuka peluang untuk pertukaran ilmu dan pengalaman tetapi juga memperkukuh hubungan antara Majlis Daerah Bau dan pihak berkuasa tempatan Singkawang.

17 April 2025 - Upacara Angkat Sumpah Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Bau Bagi Tempoh 2025 - 2028



Senarai Ahli Majlis

1. En Eddy anak Nayoi (Pengerusi Majlis)
2. Kr Yurichson@Batoe anak Rongi (Timbalan Pengerusi)
3. Kr Asiang anak Gihep
4. Kr Abu Bakar bin Morshidi
5. Kr Angnes anak Jones
6. Kr Arando ak Arthur
7. Kr Biyun anak Baki
8. Kr Blaise Frank anak Awen Jon
9. Kr Bong Chan Fui
10. Kr Bong Say Chiung
11. Kr Chung Sze Yung
12. Kr Dorin ak Dobin
13. Kr Francis ak Marin
14. Kr Freddy Peter ak Tonik
15. Kr Ginnea ak Nyoneg
16. Kr Ir. Chong Wee Lin
17. Kr John Lapi anak Ranjess
18. Kr. Josy anak Rideh
19. Kr. Kipli anak Semos
20. Kr. Liew Yu Peng
21. Kr. Mary Darot@Mary Darout anak Nadi
22. Kr. Meeks anak Mape
23. Kr. Mervin ak Mito
24. Kr. Norazni bin Junaidi
25. Kr. Ojong anak Simuh
26. Kr. Prem ak Notes
27. Kr. Pui Chun Wei
28. Kr. Riseng ak Ngirai
29. Kr. Then Jin Kee
30. Kr. Thian Xin Ying
31. Kr. Voon Ngat Jan
32. Kr. Yousli ak Mihos

Majlis Daerah Bau telah mengadakan Upacara Angkat Sumpah bagi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis bagi penggal 1 April 2025 hingga 31 Mac 2028 bertempat di Dewan Mesyuarat, Majlis Daerah Bau. Upacara disempurnakan dengan kehadiran tetamu kehormat, Yang Berhormat Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak. Turut hadir bersama barisan pimpinan negeri termasuk YB Dato Henry Harry anak Jinep, YB Dato Ir. Lo Khere Chiang, YB Tuan Miro anak Simuh, YB Tuan Billy anak Sujang serta TPr. Augustine Ling Han Hie daripada Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak, Encik Eddy anak Nayoi, Pegawai Daerah Bau merangkap Pengerusi Majlis dan Encik Ong Chin Ping, Setiausaha Majlis Daerah Bau. Upacara utama dimulakan dengan acara mengangkat sumpah dan menandatangani surat akuan penerimaan jawatan oleh Pengerusi Majlis, Timbalan Pengerusi dan semua Ahli Majlis yang baharu. Seramai 32 orang Ahli Majlis yang mewakili pelbagai kaum dan latar belakang telah dilantik bagi penggal ini. Majlis turut menyaksikan lafaz Ikrah Bebas Rasuah yang diketuai oleh Pengerusi Majlis, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Encik Eddy anak Nayoi dan ucapan amanat oleh YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian yang menekankan pentingnya integriti, kerjasama dan keberkesanan dalam tadbir urus tempatan. Dengan pelantikan rasmi ini, diharapkan barisan kepimpinan Majlis Daerah Bau bagi penggal 2025-2028 akan terus komited dalam memperkasa pembangunan setempat demi kesejahteraan dan kemajuan masyarakat daerah Bau.



29-30 April 2025 - Pertandingan Badminton Tertutup Antara Seksyen Majlis Daerah Bau



Pertandingan badminton tertutup antara seksyen Majlis Daerah Bau anjuran Kelab Sukan Dan Rekreasi MD Bau berlangsung dengan penuh semangat di Dewan SJK Chung Hua Bau. Sebanyak empat pasukan telah bertanding di mana ahli-ahli pasukan adalah terdiri daripada kakitangan Majlis. Pertandingan ini telah diketuai oleh Tuan Setiausaha Majlis Daerah Bau, En. Ong Chin Ping. Pertandingan seumpama ini bukan sahaja menjadi medan persaingan sihat, namun juga dapat mengeratkan hubungan antara pegawai dan kakitangan Majlis di samping mempromosikan gaya hidup sihat di dalam jabatan.

6 Mei 2025 - Pemeriksaan Dan Siasatan Di Ladang Ternakan Ayam Dan Rumah Penduduk Kampung Merembek, Bau



Berikutan aduan penduduk Kampung Merembek berkenaan dengan isu kacau ganggu lalat, Bahagian Kesihatan Awam dan Persekitaran, Majlis Daerah Bau dengan kerjasama Ahli Majlis, Majlis Daerah Bau, Jabatan Veterinar Sarawak, Unit Entomologi dan Pest, Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching dan Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Pejabat Kesihatan Daerah Bau telah mengadakan lawatan tapak ke kawasan yang terkesan bagi mengenalpasti punca masalah kacau ganggu lalat serta langkah pencegahan dan kawalan yang bersesuaian di kawasan ladang ternakan ayam dan rumah penduduk Kampung Merembek, Bau. Pihak Majlis Daerah Bau berharap penternak ayam sentiasa menjaga kebersihan ladang ayam bagi mengelak daripada berlakunya pencemaran demi kesejahteraan dan keharmonian penduduk kampung yang berdekatan.



Majlis Daerah Bau meneruskan komitmennya dalam mempromosi kelestarian alam sekitar melalui program Zero Waste Initiative: Waste to Cash 2025, yang berlangsung pada hari Sabtu, 10 Mei 2025 bertempat di perkarangan MD Bau dari jam 8:30 pagi hingga 12:00 tengah hari. Program ini turut menampilkan kerjasama dengan The Oil-Cycle Project untuk membuka ruang kepada komuniti untuk menjana pendapatan melalui penjualan barangan kitar semula dan sisa minyak masak. Pelbagai jenis barangan seperti botol plastik, kertas, tin aluminium serta minyak masak terpakai telah dikumpul daripada penduduk setempat. Sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan, melibatkan pelbagai peringkat umur dan latar belakang pekerjaan termasuk pelajar, kakitangan kerajaan, suri rumah dan pekerja swasta. Hasil soal selidik peserta mendapati majoriti memberikan maklum balas “Sangat Baik” terhadap penyampaian, fasiliti, serta manfaat program. Ada juga cadangan membina seperti mencadangkan program ini dijalankan secara jelajah ke kampung-kampung dan diperluas ke setiap zon di daerah Bau. Program ini membuktikan kesedaran awam terhadap kelestarian semakin meningkat dan mampu menjadi contoh kepada daerah lain dalam melaksanakan pendekatan “Sampah kepada Wang Tunai”.

20 Mei 2025 - Aduan Isu Kebersihan Tasik Biru



Majlis Daerah Bau telah menerima aduan daripada orang awam melalui platform media sosial berhubung keadaan sampah yang berselerakan di kawasan sekitar tapak Pesta Tasik Biru. Aduan tersebut disertakan dengan gambar yang menunjukkan situasi pencemaran yang mencacatkan pemandangan serta menjejaskan keindahan kawasan tasik. Susulan aduan itu, pihak Majlis telah menjalankan pemeriksaan ke lokasi dan mendapati terdapat lambakan sampah yang serius melibatkan pelbagai jenis sampah domestik dan sisa makanan. Pasukan Majlis telah digerakkan segera bagi menjalankan kerja-kerja kutipan dan pembersihan secara menyeluruh di kawasan terbabit. Punca kejadian dikenal pasti berpunca daripada sikap tidak bertanggungjawab segelintir pengunjung pesta yang membuang sampah merata-rata walaupun kemudahan tong sampah telah disediakan. Majlis Daerah Bau menyeru agar masyarakat lebih prihatin dan memainkan peranan aktif dalam menjaga kebersihan, terutamanya semasa penganjuran acara berskala besar. Kuasa tular di media sosial semata-mata tidak mampu menyelesaikan isu kebersihan jika tidak disertai dengan kesedaran dan tanggungjawab bersama. Persekitaran yang bersih mencerminkan jiwa dan minda yang sihat. Pihak Majlis akan terus komited dalam memastikan kebersihan awam terjaga melalui pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan bagi mengelakkan kejadian seumpama ini daripada berulang.

21 Jun 2025 - Aktiviti Kelab Sukan Dan Rekreasi Majlis Daerah Bau(KSRB) Ke Empangan Bengoh



24 Jun 2025 - Mesyuarat Penutupan Pengauditan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024



Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak telah menjalankan sesi pengauditan terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Bau bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 pada 16 sehingga 24 Jun 2025. Objektif pengauditan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan adalah benar dan saksama dan hasil operasi kewangan adalah selaras dengan peraturan dan undang-undang, wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dan berterusan dan rekod serta buku telah diselenggarakan dengan sempurna. Pegawai-pegawai audit yang terlibat iaitu Encik Perry Ben anak Unya(Ketua Audit), Puan Kahtijah binti Arman, Puan Syafiqah binti Sulaiman dan Encik Nazrool Shafiq bin Naz-Ismaidee. Hadir bersama mesyuarat tersebut adalah Setiausaha Majlis, Encik Ong Chin Ping, Penolong Setiausaha I, Penolong Setiausaha II, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua-Ketua Seksyen Majlis Daerah Bau. Sesi ini turut memberi ruang kepada perbincangan bersama pihak Jabatan Audit Negara bagi memastikan segala teguran dan penemuan dapat diteliti serta ditambah baik.



Audit Dalaman (IQA) ISO 9001:2015 Majlis Daerah Bau telah diadakan pada 24 hingga 25 Jun 2025. Tujuan audit dalaman diadakan untuk menilai pematuhan berterusan pelaksanaan sisem pengurusan kualiti (SPK) berdasarkan keperluan pensijilan dan MS ISO 9001:2015 dan memastikan ia mematuhi statutory, regulatory and contractual requirements, sekiranya ada, menilai status pelaksanaan dan keberkesanan sistem pensijilan dan juga terhadap tindakan pembetulan yang dilakukan hasil dari penemuan audit yang lepas, mengenalpasti perubahan-perubahan yang berlaku dalam sistem pengurusan kualiti dan mengenalpasti tindakan penambahbaikan secara berterusan dalam sistem pengurusan kualiti. Pasukan Audit Dalaman adalah terdiri daripada Encik Robin Roy anak William selaku Ketua Pasukan Audit dan dibantu oleh Encik Jeremy Edison George, Encik Abdul Qahar bin Ahmad, Puan Caroline Lenya ak Kalom dan Encik Leo Menier ak Pengarah. Dalam kerja pengauditan dalaman, terdapat empat (4) kaedah digunapakai iaitu secara fizikal dan lawatan tapak, semakan dokumen, rekod/borang, pemerhatian kepada proses/operasi dan aktiviti dan juga temubual anggota kerja organisasi termasuk pengurusan yang bertanggungjawab ke atas proses/aktiviti bidang yang diaudit. Hasil pengauditan dalaman tersebut, hanya satu laporan pemerhatian telah ditemui yang melibatkan proses Penyelenggaraan Infrastruktur dan Kemudahan Awam – Perancangan dan Kawalan Operasi dan tindakan pembetulan harus dilakukan selama 14 hari dari tarikh audit dijalankan. Selain daripada penemuan OFI tersebut, pihak Audit Dalaman juga telah mengenalpasti empat inisiatif yang telah diambil oleh pihak Majlis Daerah Bau iaitu outsource Pengurusan Gerai untuk penjimatan perbelanjaan mengurus Majlis, jalinan Kerjasama Bersama JKKK setempat untuk mempromosi tempat pelancong di Daerah Bau, pemasangan papan tanda arah tempat-tempat pelancongan di Daerah Bau dan jalinan bersama KMKK untuk hebahan bayaran cukai pintu.

26 Jun 2025 - Perhimpunan Kakitangan Majlis Daerah Bau



Perhimpunan Kakitangan Majlis Daerah Bau telah diadakan di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Bau dan disempurnakan oleh Encik Ong Chin Ping selaku Setiausaha Majlis Daerah Bau. Perhimpunan ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan pencapaian jabatan kepada semua kakitangan. Selain itu, kakitangan turut diperkenalkan dengan 2 orang pegawai yang berpindah tempat bertugas iaitu Puan Zurinah Wati binti Samat, Pembantu Kesihatan Awam(U2) dan Encik Joseph James Kuman anak Away, Pembantu Khidmat Am (HI), 2 orang pegawai lantikan baru iaitu Cik Luciana Juana, Pembantu Pustakawan (SI) dan Encik Ellfrelstern anak Edirin, Pembantu Penguat Kuasa (KPI). Manakala, seorang pelajar latihan industri daripada UITM Kota Samarahan iaitu Encik Roger anak Muda.

26 Jun 2025 - Majlis Penutupan Hari Gawai Dayak Tahun 2025



Sambutan Penutupan Gawai Dayak yang telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (KSRB) bukan sekadar penutup kepada perayaan Gawai Dayak, malah sebagai meraikan kepelbagaian budaya sekaligus dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kakitangan MD Bau. Majlis dimulai dengan bacaan doa daripada Encik Donelly Deli anak Merum, ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Kelab, Encik Alban Ebony anak Charles Diyom dan disempurnakan oleh Setiausaha Majlis, Encik Ong Chin Ping. Majlis tersebut berlangsung dalam suasana penuh kemeriahan dengan persembahan tarian, sesi karaoke, penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan badminton tertutup antara bahagian dan jamuan makanan yang mengeratkan silaturahim. Setiausaha Majlis berharap sambutan seperti ini diteruskan pada masa akan datang agar nilai perpaduan dalam kalangan kakitangan terus diperkukuhkan demi kesejahteraan bersama tanpa mengira agama dan budaya.

Sidang Redaksi

Buletin Majlis Daerah Bau



Penasihat

Encik Ong Chin Ping



Penyelaras

Puan Adeline Molly Anak Francis Kiyuk



Editor & Pengarang


Cik Luciana Juana



Jurufoto

Encik Aric Steven Anak Monday

Puan Elezabeth Susanti Anak Sari



Penerbit

Bahagian Pembangunan Komuniti & Korporat

